

KENYATAAN MEDIA

SWM KASIH CHRISTMAS GIFT & BACK TO SCHOOL SEBAR KEGEMBIRAAN KEPADA 20 BUAH KELUARGA BERBILANG KAUM

JEMPOL, 19 DISEMBER 2023 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) setiap tahun meneruskan warisan memberi sumbangan kepada keluarga yang memerlukan melalui program SWM Kasih Christmas Gift & Back To School. Untuk tahun ini, SWM Environment bekerjasama dengan Pusat Khidmat Rakyat DUN Bahau untuk mengenal pasti 20 keluarga penerima bagi SWM Kasih Christmas Gift & Back To School sempena perayaan Hari Krismas dan musim kembali ke sekolah.

“SWM Kasih Christmas Gift & Back To School, menyerahkan *Green Heart Box* sebagai simbolik kepada keharmonian berbilang kaum menyambut Krismas dan mempersiapkan anak-anak untuk memulakan persekolahan baru dengan semangat yang baru,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin.

Katanya lagi, *Green Heart Box* ini diharapkan dapat memberikan keceriaan dan kegembiraan kepada 20 orang penerima di DUN Bahau yang terdiri daripada penerima bantuan JKM. Bagi 10 penerima yang meraikan hari Natal, mereka menerima sumbangan *Green Heart Box* berupa barangan keperluan dapur sebagai persediaan menyambut Hari Krismas, manakala 10 lagi penerima daripada keluarga berbilang kaum pula menerima barangan keperluan sekolah seperti alat tulis dan sebagainya yang boleh digunakan apabila memasuki semester baru persekolahan tidak lama lagi.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen SWM Environment terhadap kesejahteraan masyarakat dan juga kehidupan lestari. Dengan memberikan bantuan pada musim perayaan bahkan turut memberi sokongan kepada pendidikan anak-anak golongan sasaran, agar dapat memberikan impak positif kepada kehidupan komuniti.

SWM Environment berharap sumbangan yang diberikan dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakat dan berharap dapat menyebarkan kegembiraan serta membina semangat kebersamaan melalui inisiatif SWM Kasih Christmas Gift & Back To School ini.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan SWM Kasih *Green Heart Box* ialah YB Tuan Teo Kok Seong, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perindustrian dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Adun Bahau.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com